

10/08/2001

Pemimpin Pas pernah rancang pemberontakan

Zulkofli Jamaluddin

KUALA LUMPUR, Khamis - Unsur militan sudah wujud dalam Pas sejak 1965 apabila pemimpin parti itu ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana cuba melancarkan pemberontakan bersenjata.

Dalam penangkapan pada 27 Januari 1965 itu, Naib Yang Dipertua Pas, Datuk Raja Hanifah Abdul Ghani bersama tiga pemimpin lain, dikatakan mengambil dan menghantar rakyat Malaysia ke Indonesia untuk latihan gerila serta pengkhianatan.

Ketiga-tiga mereka ialah Setiausaha Agung Parti Perhimpunan Kebangsaan, Datuk Kampo Radjo, yang pernah memimpin Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), Rais Anuar dan bekas ahli Parti Rakyat, Hussain Yaakob.

Bagaimanapun, mengikut Kertas Putih yang dikeluarkan pada akhir Februari 1965, pemimpin Pas dan Barisan Sosialis ditahan mengikut ISA kerana mengadakan pakatan untuk menubuhkan kerajaan buangan.

Antara yang terbabit ialah bekas Yang Dipertua Pas, Dr Burhanuddin Al-Helmi; bekas Menteri Pertanian, Aziz Ishak; bekas Presiden Barisan Sosialis, Ishak Muhammad, Kampo Radjo dan Hussain.

Dalam Kertas Putih mengenai pakatan khianat yang dipatahkan itu, Aziz, Hussain dan Kampo Radjo, dikatakan berunding dalam kereta Raja Hanifah ketika bersiar di Kuala Lumpur.

Raja Hanifah juga dilaporkan pernah meminta Indonesia mengirim senjata ringan ke Paka dan Dungun, Terengganu.

Sebelum itu, pada 24 Februari 1964, polis menahan lima pemimpin Pas, termasuk tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kelantan kerana menimbulkan huru-hara.

Mereka yang ditahan mengikut ISA ialah Saufi Idris, Nik Abdullah Nik Arshad dan Hassan Ismail, manakala dua lagi Abu Bakar Abdul Rahman dan Mohamad Abdul Rahman.

Mengulas unsur militan dalam Pas, bekas Naib Presidennya, Datuk Nakhaie Ahmad, berkata gejala buruk itu bukan hanya membabitkan ahli, tetapi dilakukan sendiri oleh pemimpin parti berkenaan.

"Pemimpin Pas begitu lantang membangkitkan isu sensitif tanpa menghiraukan soal keselamatan. Kegagalan Pas mengambil tindakan terhadap ahlinya membuktikan pemimpin mereka merestui perjuangan menggunakan kekerasan," katanya kepada Berita Harian, hari ini.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mendedahkan ada segelintir ahli Pas diajar memikul senjata di luar negara dengan niat melakukan keganasan, termasuk menggulingkan kerajaan apabila pulang ke tanah air.

Sejak Jumaat lalu, 10 anggota Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) ditahan polis mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), termasuk Nik Adli Nik Abdul Aziz, anak Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Mereka ditahan kerana dipercayai terbabit dalam kegiatan yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Nakhaie berkata, dalam sejarah penubuhan Pas ramai pemimpin dan ahli parti itu ditahan mengikut ISA selepas didapati merancang kegiatan yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

"Pas tidak dapat mengawal ahli dan tidak ada maklumat untuk mengenal pasti ahli yang melampau," katanya.

Sementara itu, bekas Pengerusi PSRM, Kassim Ahmad, berkata kerajaan wajib menghalang kegiatan yang bercanggah dengan kepentingan negara untuk menjaga keselamatan rakyat.

"ISA adalah undang-undang yang diluluskan Parlimen dan ia memang sah digunakan di negara kita. Bagaimanapun, setiap undang-undang boleh disalahgunakan.

"Jadi perlu ada satu kaedah supaya orang ramai diberitahu mengenai sebarang penangkapan seperti pembentangan Kertas Putih di Parlimen supaya undang-undang itu tidak disalahkan," katanya.

(END)